

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah SOP baru pilihan raya pasca COVID-19. Mengapa SPR tidak mempunyai rancangan untuk membenarkan pengundian pos bagi mereka yang tinggal jauh dari kampung halaman mereka dalam PRN12 Sarawak dan PRN Melaka atau PRU15 yang akan datang. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menubuhkan pusat mengundi di Semenanjung Malaysia untuk pengundi Sarawak bagi PRU12 Sarawak yang akan datang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15. Persediaan ini penting bagi memastikan pengendalian penjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19.
2. SPR telah membuat persediaan dan perancangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia, latihan

SOALAN NO : 67

kepada petugas, Garis Panduan COVID-19 bagi Pelaksanaan Pilihan Raya dan juga aspek-aspek lain yang berkaitan.

3. SPR dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang meneliti dan merangka penambahbaikan Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya sama ada Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Kecil (PRK) yang baharu di mana isu kesihatan dan keselamatan dalam pelaksanaan pilihan raya menjadi keutamaan dengan mengambil kira situasi COVID-19 pada ketika ini. Garis panduan ini akan disesuaikan selaras dengan Fasa Pelan Pemulihan Negara dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan semasa di bawah Akta 342.

4. SOP bagi Pilihanraya Negeri Melaka dan Sarawak disesuaikan dengan keadaan semasa kes Covid-19 di lokasi PRN dilaksanakan serta telah diluluskan oleh KKM. Manakala, SOP bagi Pilihanraya Umum akan dicadang dan dirangka bersesuaian dengan status semasa ketika ianya akan dilaksanakan nanti.

5. Pada masa ini SPR masih belum bercadang untuk memperluaskan kemudahan undi pos atau menyediakan pusat mengundi berasingan bagi pemilih yang berada di luar bahagian pilihan raya. Bagi pengundi-pengundi di negeri Sabah dan Sarawak yang bermastautin di semenanjung Malaysia, SPR menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat bermastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya umum atau kecil.

Sekian, terima kasih.